



[Home](#) / [2024](#) / [September](#) / Platform Perkongsian Ilmu Keusahawanan Antarabangsa Melalui Program Jelajah Ilmu Usahawan

GRU2025

26/09/2024 / Dr. Mohamad Idham Haji Md Razak



12 SEPTEMBER – Program Jelajah Ilmu Usahawan telah berjaya dilaksanakan di Universitas Udayana, Bali, Indonesia, dari 10 hingga 12 September 2024. Program ini telah dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan Mahasiswa (PKM), Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Universitas Udayana. Program ini bertujuan memperkasa peserta dalam bidang keusahawanan melalui sesi perkongsian ilmu, bengkel, dan lawatan industri. Program ini bukan sahaja menyediakan pendedahan tentang ekosistem perniagaan tempatan, tetapi juga memberi peluang kepada peserta untuk meluaskan jaringan antarabangsa mereka.



Program ini turut menyokong amanat Naib Canselor UiTM 2024, Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, yang menekankan ‘GLOBALLY RENOWNED, LOCALLY ROOTED’. Peserta didedahkan dengan strategi keusahawanan global yang disesuaikan dengan keperluan tempatan, melalui perkongsian daripada usahawan berjaya di Bali. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk lawatan ke syarikat-syarikat yang menggabungkan elemen global dalam operasi mereka, memberikan pendedahan langsung kepada peserta tentang cara teori keusahawanan diaplikasikan dalam konteks dunia sebenar.

Sepanjang program, peserta turut berpeluang dilantik sebagai Pensyarah Pelawat di Universitas Udayana, yang membolehkan mereka membina rangkaian profesional serta mengenal pasti peluang kerjasama masa hadapan. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman tentang keusahawanan antarabangsa tetapi juga mengukuhkan kedudukan UiTM di pentas global. Peranan PKM MASMED dalam menganjurkan program ini selari dengan usaha untuk meningkatkan bilangan kolaborasi dengan agensi dan institusi antarabangsa.



Pada hari pertama program, peserta disambut dengan lawatan ke Taman Budaya Garuda Wisnu Kencana (GWK), diikuti dengan makan malam bersama Dr. I Wayan Mertha, Ketua Desa Tradisional Kedonganan, yang berkongsi bagaimana komuniti tempatan menguruskan

Platform Perkongsian Ilmu Keusahawanan Antarabangsa Melalui Program Jelajah Ilmu Usahawan – UiTM NewsHub restoran di kawasan tersebut. Aktiviti ini memberi inspirasi kepada pelajar mengenai penglibatan masyarakat dalam pembangunan ekonomi tempatan.

Para peserta turut berpeluang bertemu Ibu Novi, Pengasas Warung Kecil Infinity, sebuah perniagaan kecil yang berjaya memenuhi keperluan ekspatriat di Bali. Aktiviti ini menunjukkan bagaimana perniagaan tempatan boleh berkembang dengan memahami kehendak pasaran antarabangsa.



Kejayaan program ini terbukti melalui peningkatan kefahaman peserta tentang ekosistem keusahawanan di luar negara dan hubungan strategik yang terjalin antara UiTM dan Universitas Udayana. Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta, tetapi juga membuka jalan kepada kerjasama yang lebih erat pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, Jelajah Ilmu Usahawan berjaya mencapai objektifnya sebagai platform yang efektif untuk memperkasakan pelajar dalam bidang keusahawanan, di samping mengukuhkan jaringan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia dalam bidang pendidikan tinggi.



Tags: [Akademi Pembangunan R&D dan Keusahawanan Malaysia \(MADIMED\)](#), [Jelajah Ilmu Usahawan](#), [Institut Keusahawanan Malaysia \(IKM\)](#), [Taman Budaya Garuda Wisnu Kencana \(GWWK\)](#), [Universitas Gadjah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[← Program Outreach Research di UiTM Cawangan Perlis](#)

[Audit Pertimbangan Pengekalan Status Swaakreditasi UiTM >](#)

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

